

05 NOV 1997

G15-Hotel

HOTEL PALACE OF GOLDEN HORSES PASTI DIKENANGI PEMIMPIN G15

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Walaupun menerima pujian daripada anggota delegasi yang menghadiri sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) di Mines Resort City di sini, Tan Sri Lee Kim Yew tetap bertekad untuk meningkatkan lagi kemudahan dan perkhidmatan di pusat percutian dan komersil miliknya itu.

Hotel Palace Of The Golden Horses dan Pusat Pameran Mines di Mines Resort City menjadi tuan rumah kepada persidangan dan pameran itu. Pameran itu bermula Sabtu lepas sementara sidang kemuncak itu pada Isnin lepas dan kedua-duanya tamat hari ini.

"Saya sangat gembira... dengan maklum balas yang saya terima. Banyak lagi yang boleh dilakukan," kata beliau kepada pemberita apabila ditanya di akhir persidangan itu.

Lee yang sentiasa tersenyum sering kelihatan di sana sini mengarahkan orang-orangnya memastikan persidangan dan pameran itu berjalan lancar.

Selama sembilan hari berturut-turut kakitangan Lee bekerja 24 jam untuk memastikan semuanya siap bagi persidangan dan pameran yang akan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin terkemuka dunia.

Lee berkata, hotel Palace Of The Golden Horses sebagai sebuah hotel yang baru bertuah kerana menjadi tempat penginapan sembilan ketua kerajaan dan wakil-wakil mereka serta delegasi masing-masing pada sidang kemuncak yang berakhir hari ini.

Lee berkata, kakitangannya kini mengumpulkan maklum balas daripada anggota delegasi dan media massa di sidang kemuncak itu untuk memperbaiki kelemahan yang ada.

"Masa depan kami bergantung kepada sejauh mana perkhidmatan kami dan keunikan produk kami," kata beliau.

Beliau berkata, antara perkara yang akan diperbaiki ialah kemudahan pengangkutan dan infrastruktur gentian optik yang akan membolehkan persidangan melalui video.

Sementara itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan sidang kemuncak G15, semasa meninggalkan hotel itu tengah hari ini, berjabat tangan dengan kakitangan hotel yang berbaris untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau.

Semasa ditanya oleh pemberita, Dr Mahathir berkata: "Saya rasa semuanya berjalan lancar walaupun pada awalnya saya agak bimbang memandangkan ia hotel yang baru -- sebenarnya ia dibuka pada hari mesyuarat itu bermula."

"Anda tahu apa sahaja boleh berlaku, tetapi para pelawat memberitahu saya mereka gembira dengan hotel itu serta perkhidmatannya dan juga dengan mesyuarat itu," kata beliau.

Sidang Kemuncak G15 itu dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Indonesia, Suharto, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, Presiden Mesir, Hosni Mubarak, Presiden Peru, Alberto Fujimori, Presiden Algeria, Liamine Zeroual, Naib Presiden Argentina Dr Carlos Ruckauf, Naib Presiden India Krishan Kant dan Timbalan Perdana Menteri Jamaica Dr Seymour Mullings. -- BERNAMA

RAZ NI PR